



HASLINDA menunjukkan antara barang keperluan yang terdapat di Pondok Sedekah yang dikhaskan kepada keluarga miskin di Pengkalan Maras, Kuala Nerus semalam.

## Dulu bergelar asnaf, kini jadi penyumbang barang keperluan

KOSMO 9/10/2023 11:51:18

**KUALA NERUS** — Seorang peniaga kedai makan yang sebelum ini merupakan asnaf dan perniagaan zakat mengambil inisiatif menghulurkan barang keperluan percuma kepada golongan memerlukan sejak seminggu lalu.

Haslinda Wahab, 40, berkata, inisiatif membuka Pondok Sedekah itu adalah sebagai tanda kesyukuran selepas dia berjaya keluar daripada kepompong kemiskinan berkat bantuan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu

(Maidam) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

“Saya pernah merasai kesusaahan kehidupan sewaktu bergelar ibu tunggal selama 13 tahun sehingga menerima zakat dan bantuan daripada Maidam dan JKM.

“Kehidupan saya mula berubah apabila membuka kedai makan dengan pinjaman dari Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Selepas itu, rezeki saya terus murah apabila bertemu jodoh dengan suami pada tiga tahun lalu,”

katanya ketika ditemui di Pengkalan Maras di sini semalam.

Haslinda berkata, beliau menyediakan barang keperluan seperti beras lima kilogram, minuman coklat, kicap, minyak, biskut, mi segera dan susu formula bayi di Pondok Sedekah berkenaan.

Ibu kepada empat anak itu berkata, kesemua barang keperluan tersebut boleh diambil secara percuma oleh golongan memerlukan.